

Faktor-Faktor Sampingan Yang Mempengaruhi Perbezaan Konsep Kendiri Antara Ras/Etnik

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Kohort Kelahiran

Antara tahun 1960-an hingga pertengahan 1990-an estimasi kendiri individu daripada kumpulan minoriti mengalami peningkatan yang mendadak. Namun itu bukan bermakna orang kulit putih mengalami kemerosotan estimasi kendiri kerana kajian yang dijalankan ke atas pelajar kolej dalam tahun-tahun tersebut di mana sampel yang digunakan kebanyakannya adalah pelajar kulit putih menunjukkan terdapat peningkatan estimasi kendiri di kalangan mereka (Twenge dan Campbell, 2001).

Merujuk kepada tahun di mana bermulanya perubahan tahap estimasi kendiri di kalangan orang kulit hitam ini terdapat kemungkinan bahawa ianya berkaitan dengan perubahan sosial yang berlaku di Amerika Syarikat ketika itu. Pada tahun 1960-an, nasib orang kulit hitam sebagai kelompok yang mengalami diskriminasi mula diperjuangkan. Perjuangan yang dipelopori oleh Dr. Martin Luther King itu menuntut kesamarataan hak antara kaum kulit putih dan kulit hitam.

Kajian yang dibuat mendapati estimasi kendiri individu kulit hitam menunjukkan tahap yang tinggi berbanding orang kulit putih selepas tahun 1980-an iaitu 20 tahun selepas usaha penyamarataan hak dibuat. Dapatan ini membuktikan bahawa konsep kendiri mula terbentuk pada zaman awal kanak-kanak maka kanak-kanak kulit hitam yang lahir sekitar tahun 1960-an ke atas cenderung untuk memiliki estimasi kendiri yang tinggi disebabkan pengaruh daripada suasana politik, sosial serta budaya dalam masa tersebut.